



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03 - 8883 2545
Faks : 03 - 8883 2905
Email : anhisham@moh.gov.my



Ruj Kami: KKM 87/A4/700/4/1 (41)
Tarikh : 6 Julai 2017

Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Hospital / Institusi Perubatan Khas
Semua Dekan Fakulti Perubatan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia

Y. Bhg. Tan Sri/Dato/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 4/2017:
SYARAT UNTUK PERTIMBANGAN PENGECUALIAN KHIDMAT WAJIB DI BAWAH
SEKSYEN 42(1) AKTA PERUBATAN 1971**

1. TUJUAN:

- 1.1. Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengamal perubatan berkenaan dasar dan polisi bagi kelonggaran khidmat wajib di Malaysia.

2. LATAR BELAKANG:

- 2.1. Perkhidmatan wajib bermula sejak tahun 1971 dengan kuatkuasanya Akta Perubatan 1971;

2.2. Perkhidmatan wajib diwujudkan bertujuan:

- 2.2.1. Untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan di dalam sektor
- 2.2.2. Mempastikan pengagihan pegawai perubatan meliputi perkhidmatan seluruh negara
- 2.2.3. Pada masa kini keperluan perkhidmatan wajib dilihat sebagai satu keperluan pendedahan klinikal bagi meningkatkan kemampuan dan kemahiran klinikal Pegawai Perubatan.

2.3. Dibawah seksyen 40 Akta tersebut, 'perkhidmatan wajib' adalah pelaksanaan tugas:

- 2.3.1. diwajibkan kepada semua pengamal perubatan sebaik sahaja diberikan pendaftaran penuh dan setelah diberi notis oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia yang menghendaki orang itu supaya

- memegang jawatan perubatan dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam;
- 2.3.2. selama tempoh **tidak kurang dari tiga tahun**;
 - 2.3.3. **secara berterusan**;
 - 2.3.4. **didalam perkhidmatan awam**; dan
 - 2.3.5. berdasarkan budibicara KPK ;
- 2.4. Walaubagaimanapun, bermula tahun 2008, YB Menteri Kesihatan (YBMK) telah bersetuju mengurangkan tempoh khidmat wajib dari 3 tahun kepada **2 tahun**.
- 2.5. Menurut Akta tersebut juga, adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana pengamal perubatan yang diberikan pendaftaran penuh tetapi tidak melaksanakan perkhidmatan wajib setelah diberi notis oleh KPK melainkan mendapat kelonggaran yang diluluskan oleh YBMK;
- 2.6. Bagi mereka yang ingin mengambil kira perkhidmatan mereka dalam agensi-agensi kerajaan yang lain untuk dianggap sebagai melengkapkan perkhidmatan wajib di bawah seksyen 40(4)(b) Akta Perubatan 1971, permohonan boleh dikemukakan melalui Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan kuasa melulus adalah dibawah pertimbangan KPK.
- 2.7. Bagi mereka yang ingin membuat penangguhan perkhidmatan wajib, pengurangan tempoh perkhidmatan wajib atau pengecualian dari menjalani perkhidmatan wajib di bawah seksyen 42 (1) Akta Perubatan 1971, permohonan boleh dikemukakan melalui MPM dan kuasa melulus adalah dibawah pertimbangan YBMK.

3. KELAYAKAN DAN SYARAT KELONGGARAN:

- 3.1. Terdapat 2 jenis permohonan pengecualian khidmat wajib yang dapat dipertimbangkan iaitu:
- i. Warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara
 - ii. Pengamal perubatan yang tidak ditawarkan jawatan dalam perkhidmatan awam

- 3.2. Kriteria bagi warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara:
- i. Pengamal perubatan yang tidak mempunyai kepakaran, membaiayai sendiri pengajian serta mempunyai pengalaman klinikal melebihi 2 tahun selepas menamatkan latihan *internship/housemanship* di luar negara yang diiktiraf oleh MPM; ATAU
 - ii. Bagi pengamal yang mempunyai bidang kepakaran yang masih berkurangan di Malaysia sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib serta layak diterima mendaftar dengan *National Specialist Register* (NSR); ATAU
 - iii. Diterima berkhidmat dengan institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta sebagai pensyarah di fakulti perubatan sahaja selama tempoh tidak kurang dari DUA tahun secara berterusan dan memiliki ijazah kepakaran serta layak diterima mendaftar dengan NSR.
- 3.3. **PENGECUALIAN JIKA TIDAK DITAWARKAN JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM SETELAH DIBERI PENDAFTARAN PUENUH OLEH MPM**
- i. Permohonan hanya terpakai kepada pengamal perubatan yang pulang ke Malaysia dan telah diberikan Pendaftaran penuh oleh MPM dan **tidak ditawarkan jawatan dalam perkhidmatan awam** dalam tempoh **6 bulan** selepas mereka memohon jawatan.
- 3.4. Semua permohonan Pengecualian perkhidmatan wajib akan di bentangkan kepada Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib (JKKW) untuk pertimbangan dan kelulusan.

4. TATACARA PENGENDALIAN PERMOHONAN:

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang Kelonggaran Khidmat Wajib seperti di Lampiran ;
- 4.2. Permohonan hendaklah dihantar terus kepada MPM;

- 4.3. Setiausaha MPM adalah bertanggung-jawab untuk mengemukakan mana-mana permohonan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan layak menikmati kelonggaran ini kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia/ Yang Berhormat Menteri Kesihatan / Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib untuk pertimbangan;

5. PEMAKAIAN DAN TARikh KUATKUASA:

- 5.1. Pelaksanaan Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.
- 5.2. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 7/2014 bertarikh 23 Mei 2014 "Penambahbaikan Kelonggaran Khidmat Wajib Bagi Menggalakkan Warganegara Malaysia Pulang" dibatalkan berkuatkuasa serta merta.

6. PERTANYAAN:


- 6.1. Sila rujuk sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini kepada:

Setiausaha,
Majlis Perubatan Malaysia,
Aras Bawah, Blok B,
Jalan Cenderasari,
50590 KUALA LUMPUR.
No. Tel : 03-26912171
E-mail : admin.mmc@moh.gov.my

Sekian. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

FH/Khidmat Wajib

s.k.

1. YB Menteri Kesihatan,
2. YB Timbalan Menteri Kesihatan,
3. Ketua Setiausaha
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
5. Penasihat Undang-undang, Kementerian Kesihatan Malaysia
6. *National Specialist Register*

BORANG PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

1. Nama*:;
2. No. Kad Pengenalan*:;
3. Alamat tempat tinggal;
4. Alamat surat menyurat*:;
5. No. Tel Bimbit*:;
6. Alamat Email*:;
7. No. Pendaftaran Penuh MPM*: Tarikh:.....
8. Tarikh Mula Khidmat Wajib;
9. Tarikh Lengkap Khidmat Wajib;

10. Jenis permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib (di bawah Akta Perubatan 1971)*:

(Sila pilih satu dengan menandakan di dalam kurungan dibawah).

- a. () –**mengambil kira** perkhidmatan di agensi kerajaan lain sebagai melengkapkan khidmat wajib menurut seksyen 40(4)(b);
- b. () – **Penangguhan** menurut seksyen 42(1) untuk tempoh tahun;
- c. () – **Pengecualian** menurut seksyen 42(1); (sila lengkapkan lampiran A)
- d. () - **Pengurangan** menurut seksyen 42(1).

11. Sebab / Alasan Memohon*:

- a.
- b.
- c.

12. Adakah anda mempunyai dokumen sokongan? YA/TIDAK,

Jika ada, sila senaraikan di bawah dan kepilkan dokumen yang disahkan.

- a.
- b.
- c.

Tandatangan*:

Tarikh*:/...../.....

LAMPIRAN A – BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN KHIDMAT WAJIB- BAGI WARGANEGARA MALAYSIA PULANG DARI LUAR NEGARA DAN PENGAMAL PERUBATAN YANG TIDAK DITAWARKAN JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PERHATIAN:

1. Borang ini hendaklah diisi dan dihantar bersama-sama dengan Borang 9 – Borang Permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia; dan
2. Bagi permohonan di bawah kategori iii. dan iv. Pemohon hendaklah mengemukakan **surat pengesahan daripada National Specialist Register (NSR)** yang menyatakan pemohon layak diterima mendaftar dengan NSR.
3. Bagi permohonan di bawah kategori v. pemohon hendaklah mengemukakan bukti permohonan jawatan di Surahanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)

A. UNTUK DIISI OLEH PEMOHON:

1. (Sila pilih satu dengan menandakan ✓ di dalam petak dibawah).

- i. Pengamal perubatan yang tidak mempunyai kepakaran, membayai sendiri pengajian serta mempunyai pengalaman klinikal melebihi 2 tahun selepas menamatkan latihan *internship/housemanship* di luar negara yang diiktiraf MPM; ATAU
- ii. Bagi pengamal yang mempunyai bidang kepakaran yang masih berkurangan di Malaysia sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib serta layak diterima mendaftar dengan National Specialist Register (NSR); ATAU
- iii. Diterima berkhidmat dengan institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta sebagai pensyarah di fakulti perubatan sahaja selama tempoh tidak kurang dari DUA tahun secara berterusan dan memiliki ijazah kepakaran serta layak diterima mendaftar dengan NSR.
- iv. Pengamal perubatan yang pulang ke Malaysia dan telah diberikan Pendaftaran penuh oleh MPM dan **tidak ditawarkan dalam perkhidmatan awam** dalam tempoh **6 bulan** selepas mereka memohon jawatan

3. Kelayakan:

3.1. Ijazah Asas Perubatan:

3.1.1. Nama Ijazah : _____

3.1.2. Institusi/Universiti : _____

3.1.3. Tahun : _____

3.2. Kelulusan Pasca Siswazah:

3.2.1. Nama Ijazah : _____

Institusi/Universiti : _____

Jenis Kepakaran : _____

Tahun : _____

3.2.2. Nama Ijazah : _____

Institusi/Universiti : _____

Jenis Kepakaran : _____

Tahun : _____

4. Pengalaman:

| Bil. | Jawatan | Tempat | Tarikh dan tempoh |
|------|---------|--------|-------------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Tandatangan*:

Tarikh*:/...../.....